

UPM juara keseluruhan

Kuasai SUKIPT dengan 52 pingat emas, 26 perak dan 21 gangsa

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris
wannoriza@nstp.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dinobatkan juara keseluruhan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang berakhir semalam.

UPM menguasai temasya dengan meraih 52 pingat emas, 26 perak dan 21 gangsa.

UiTM dengan 39 emas, 23 perak dan 44 gangsa berada di tempat kedua, manakala Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 17 pingat emas, satu perak dan lima gangsa, ketiga.

Kejayaan itu mengembirakan Ketua Kontinjen UPM, Hamzah Ismail yang bercadang untuk memberi ganjaran insentif kepada setiap atlet yang menyumbang pingat pada temasya itu.

"Inilah penghargaan kami buat semua atlet yang mengharumkan nama universiti," katanya pada majlis penutup temasya di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, semalam.

Mengulas kejayaan UPM, Hamzah mengakui pihaknya akur dengan kehebatan UiTM yang menyandang gelaran juara di peringkat IPTA.

"Meskipun memegang status sebagai universiti atlet, kami sebenarnya jauh ketinggalan dengan UiTM di fasa pertama, yang mana mereka mencatat 17 emas manakala kami sekadar dua pin-



GEMBIRA...kontinjen UPM meraikan kejayaan meraih juara keseluruhan SUKIPT 2012, semalam.

ngat emas saja.

"Bagaimanapun, menerusi kejayaan besar di akuatik menerusi 15 pingat emas, karate yang mencatat sembilan pingat emas serta olahraga, 14 emas, kami berjaya bangkit mendahului UiTM," katanya.

Katanya lagi, kini UPM akan mengadakan perbincangan dengan pihak lebih tinggi untuk memberi gan-

jaran buat atletnya.

"Kami akan adakan perbincangan dalam masa terdekat untuk memberi insentif pada setiap pemenang atas tanda penghargaan dari UPM," katanya.

Majlis penutupan itu disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

SUKIPT membabitkan penyertaan lebih 5,000 atlet dan

pegawai pasukan dari 101 IPT seluruh negara.

"Selepas berlangsung selama 15 hari, saya lihat SUKIPT ini cukup berjaya.

"Purata pungutan pingat keseluruhan menunjukkan persaingan sengit dalam setiap acara yang dipertandingkan dan membuktikan temasya ini menjadi medan cukup kompetitif di peringkat IPT," kata Saifuddin.

Nurul Faizah gah ketepi Nurul Sarah acara 200m

TIADA yang lebih mengembirakan Nurul Faizah Asma Mazlan (*gambar*) apabila menewaskan atlet elit, Nurul Sarah Abdur Kadir pada penutup tirai acara olahraga Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), semalam.

Pada final 200 meter di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), atlet pelapis mewakili Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu gah mengatasi Nurul Sarah dengan catatan 26.21 saat.

Manakala, Nurul Sarah yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) sekadar mencatat 26.65s akur di tangga kedua. Nor Atikah Awang juga dari UniMAP, 27.29s, ketiga.

"Bagai kejutan buat saya kerana kali pertama berjaya



mengatasi Nurul Sarah yang bukan saja senior di sukan olahraga malah atlet elit.

"Selaku pelapis, saya gembira dengan pencapaian ini tetapi kurang berpuas hati dengan catatan masa memandangkan pernah melakukan 20.30s di Terbuka Negeri Sembilan baru-baru ini," katanya yang turut meraih tiga pingat emas menerusi acara 400m, 4x100m dan 4x400m.

Sementara itu, S Kannathasan yang baru setahun dinaikkan taraf ke atlet elit membuktikan kehebatannya dengan mengguguli 200m lelaki.

Wakil UPM itu mencatat 22.00s menundukkan rakan sepasukan, S Kannan (22.02s), kedua dan Mohd Azhar Md Ismail dari Kolej

Komuniti Pahang (KK PHG), 22.21s, ketiga.

"Kurang berpuas hati dengan pencapaian hari ini memandangkan acara diadakan di sebelah pagi.

"Kebiasannya kami tidak mampu beraksi dengan baik sekiranya acara berlangsung awal," katanya yang meletakkan sasaran pingat emas di Sukan Universiti Asean (AUG), Laos, bulan depan.

Seperti diramal, UPM mendominasi acara olahraga dengan catatan keseluruhan 14 pingat emas, 12 perak dan 3 gangsa. UniMAP mencatat 12 emas, satu perak dan empat gangsa untuk berada di tempat kedua.

Manakala, Kolej Komuniti Pulau Pinang mengutip dua emas, 3 perak dan empat gangsa, ketiga.



TERBAIK...Ian (kiri) dan Lai Kwan terpilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT, semalam.

Lai Kwan, Ian atlet terbaik

SEPERTI dijangka bekas perenang kebangsaan, Chui Lai Kwan dinobatkan sebagai olahragawati sulung Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), semalam selepas cemerlang merangkul 13 pingat emas dan dua perak.

Turut menerima anugerah sama pada majlis penutup temasya yang berlangsung di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu ialah Ian Leondy Bell menyandang gelaran olahragawan menerusi kejayaan tujuh pingat emas, satu perak dan satu gangsa.

Kedua-dua atlet renang itu menerima piala pusingan, piala iringan dan tiket penerbangan percutian ke Bali.

"Saya gembira kerana diberi penghormatan olahragawati sulung pada temasya dwi tahunan yang pertama kali diadakan tahun ini.

"Diharap kejayaan ini menaikkan lagi semangat atlet IPT khususnya bekas sama memajukan lagi sukan negara.

"Pastinya, selepas ini saya ingin menambah koleksi pingat emas pada Sukan Universiti Asean (AUG) di Laos bulan depan selepas mengutip enam kejuaraan di AUG sebelum ini," kata Lai Kwan, penuntut jurusan Sains Teknologi Pemakanan Universiti Putra Malaysia (UPM) sejeurus selesai majlis

"Saya gembira kerana diberi penghormatan olahragawati sulung pada temasya dwi tahunan yang pertama kali diadakan tahun ini"

>Chui Lai Kwan

penutup SUKIPT, semalam.

Sementara itu, bagi Ian kejayaan ini dianggap pemangkin untuk mengetengahkan dirinya di peringkat lebih tinggi.

"Terlalu gembira dan bangga. Kejayaan ini diharapkan menjadi batu loncatan buat saya untuk lebih maju dalam bidang sukan.

"Sama seperti Lai Kwan, saya turut meletakkan sasaran emas pada penampakan sulung saya di AUG Laos bulan depan. Apatah lagi dengan membawa gelaran olahragawan, pastinya kejayaan ini semakin membakar semangat saya untuk lebih menyerlah di Laos," kata penuntut Komunikasi yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) itu.